

Banjir di Kelantan makin surut, Terengganu pulih

Oleh KHAIRI MOHAMAD

khairi.mohamad@kosmo.com.my

KOTA BHARU - Ramai mangsa banjir yang ditempatkan di pusat-pusat pemindahan di negeri ini



Banjir

dibenarkan pulang ke rumah masing-masing selepas paras air semakin surut.

Kini hanya tinggal 787 orang daripada 220 keluarga di pusat pemindahan berbanding 1,247 orang daripada 347 keluarga kelmarin.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir Kelantan ketika dihubungi semalam berkata, hanya empat pusat pemindahan yang masih dibuka iaitu tiga di jajahan Pasir Mas dan satu di Tumpat.

Menurutnya, jajahan Pasir Mas melibatkan 290 orang daripada 79 keluarga, manakala di Tumpat menempatkan 497 orang daripada 141 keluarga.



MOKHTAR HASHIM bersama keluarganya memunggah barang ketika kembali semula ke rumah mereka di Kampung Bendang Pak Yong, Tumpat selepas banjir surut semalam.

Katanya, kesemua laluan yang ditenggelami air sudah dibuka semula termasuk empat laluan di Pasir Mas iaitu Jalan Rantau Panjang-Panglima Bayu di Kilometer 10, Jalan Banggol Kulim, Jalan Pengkalan Rakit dan Jalan Pohon Tanjung-Rantau Panjang, Kampung Siram.

“Dua jalan di jajahan Tumpat iaitu Kampung Jambu dan Kampung Ana juga sudah boleh dilalui selepas ia dibuka pada pukul 2 petang semalam (kelmarin),” katanya ketika dihubungi.

Tambahnya, keadaan cuaca yang baik mem-

bantu mempercepatkan proses penyusutan air banjir di beberapa batang sungai utama.

“Sungai Galas, Sungai Lebir dan Sungai Kelantan di Tambatan Diraja sudah di bawah paras normal, manakala sungai-sungai lain berada pada paras berjaga-jaga.

“Hanya Sungai Golok di Rantau Panjang masih berada di paras bahaya tetapi sehingga pukul 3 petang tadi (semalam), bacaan yang dicatatkan adalah 9.8 meter dan menunjukkan trend penurunan,” ujarnya.

Sementara itu, di **Terengganu**, banjir pulih sepenuhnya dengan kesemua pusat pemindahan banjir ditutup.

INFO Talian
kecemasan banjir

Majlis Keselamatan Negeri
Kelantan **09-7481173**